

**SATU** keluarga berbuka puasa di khemah pelarian Pangalengan selepas kampung mereka musnah teruk akibat gempa.



**PENDUDUK** kampung Ciloa mengumpul apa jua harta yang dapat diselamatkan selepas gempa melanda.




**SEORANG** penduduk Pangalengan, Syarif Mahmud, meninjau keadaan rumahnya.

# Gempa hari ke-12 Ramadan kejutkan Jawa

Gegaran berlaku kerana pertembungan plet tektonik Eurasia, Indo-Australia, Pasifik

B.H 6/9/09 MIS 29





**PENDUDUK dan anggota penyelamat di perkampungan Cikangkareng mencari mangsa ditimbus tanah runtuh selepas gempa melanda Jawa Barat.**

**J**AKARTA: Pembangun web, Remko Weingarten baru memasuki lif tingkat atas sebuah bangunan tinggi di Jakarta, apabila gempa bumi berukuran 7.0 pada skala Richter melanda petang Rabu lalu, menggoyangkan lif berkenaan hingga terhayun ke kiri dan kanan, mencemaskan mereka yang ada di dalamnya.

"Saya sangka kabel lif itu terputus," kata Remko, yang bergegas keluar daripada bangunan berkenaan tanpa menghadapi masalah. Di sekitar Jakarta, keadaannya hampir sama: ramai yang terkejut dengan kejadian itu, takut dan berlari menyelamatkan diri.

"Semua orang rasa berdebar-debar," kata Melanie Wood, yang bertugas di Jalan

Gatot Subroto, dalam mesej teks sejurus selepas gempa berkenaan. "Ada yang cuba berlindung di bawah meja. Petugas wanita pula menaings dan ada yang merakam gambar keadaan mereka!"

Tidak lama kemudian, tambahnya, kakitangan pejabat berkumpul di sepanjang Gatot Subroto, menunggu kenderaan untuk pulang ke rumah dan berbual di telefon. Gempa itu juga mencetuskan kekecohan di kompleks beli-belah.

"Keadaan amat menakutkan. Bangunan bergoyang dan saya terdengar bunyi kuat dari tingkat atas, seperti ada sesuatu yang akan runtuh," kata seorang pelajar, Rini, 18, selepas dia lari keluar dari Pusat Beli-belah Grand Indonesia di pusat bandar Jakarta.

"Orang ramai menjerit dan dengan pantas saya buka kasut dan berlari sekuat mungkin keluar dari kompleks berkenaan."

Pegawai Agensi Kaji Cuaca, Iklim dan Geofizik (BMKG) berkata, tiga gempa bumi utama yang melanda Sumatera Barat, Jawa Barat dan Papua dalam tempoh dua hari lalu ada berkait antara satu sama lain.

Ketua pusat seismologi BMKG, Suhardjono, memberitahu *The Jakarta Post*, Khamis lalu, pusat tiga gempa itu terletak pada titik pertemuan plet tektonik Eurasia, Indo-Australia dan Pasifik menyebabkan berlaku gempa.

"Titik pertemuan tiga plet gergasi itu mempunyai potensi mengeluarkan tenaga mene-

rusi gempa itu. Gempa bumi tidak akan diikuti dengan gempa lain sehingga tenaga yang seimbang dicapai," kata Suhardjono.

Suhardjojo menambah, pada petang Khamis lalu, berlaku 13 gegaran susulan selepas gempa melanda sekitar Tasikmalaya.

Di tempat lain di Jawa, saksi melaporkan keadaan kecoh, lapor akhbar *The Jakarta Globe*.

Fatimah, seorang penduduk di Kwalu, Tasikmalaya, dekat dengan pusat gempa itu, memberitahu *Jakarta Globe*, gempa berkenaan awalnya kuat tetapi kemudian berhenti. Beliau terasa lagi gegaran beberapa minit selepas itu, tetapi pada ketika itu jirannya sudah ada di luar.

Dia tidak lihat rumah runtuh tetapi cermin tingkap rumahnya retak akibat gempa itu. Seorang lagi penduduk Tasikmalaya, Eli Susilawati, berkata dia sedang bekerja di Pejabat Daerah apabila lantai bergetar.

"Saya lari keluar dari pejabat dalam keadaan cemas," katanya. Eli berkata, sebuah rumah di depan pejabat pecah cermin tingkapnya dan retak dindingnya.

"Apabila saya sampai ke rumah, keadaan lebih teruk. Dinding rumah retak tetapi empat rumah lain di jalan yang sama runtuh sama sekali," kata Eli. Di jalan berdekatan, Eli berkata, banyak rumah runtuh tapi tidak dapat menyatakan bilangannya.

"Setahu saya tiada mangsa yang cedera. Syukurlah me-

reka selamat," katanya. Eli mengakui masih takut balik ke rumahnya kerana bimbang berlaku gegaran lagi.

"Saya dengar khabar angin akan berlaku gegaran selepas gempa dan tsunami, saya akan tunggu sehingga 7 malam," katanya.

Seorang lagi saksi di Bandung berkata, beratus-ratus pesakit di Hospital Hasan Sadikin, cemas apabila gempa melanda.

Saksi berkenaan, anggota keluarga seorang pesakit di hospital itu, berkata kakitangan dan pesakit lari meninggalkan bilik. "Tetapi, ada sebilangan daripada mereka hanya menangis ketakutan," katanya.

Doktor dan jururawat terus melayan pesakit dengan tenang, termasuk mereka



**ANGGOTA** keselamatan menemui mayat mangsa gempa di Cikangkareng, daerah Cibinong, Khamis lalu.



**PENDUDUK** menunaikan solat Jumaat di masjid Jami al-Muhtar di perkampungan Ciloa, Tasikmalaya.



**GEMPA** turut merosakkan jalan.



Seorang penduduk melihat keadaan rumah yang runtuh dilanda gempa di Sukabumi.

yang menerima titisan air IV, dan memindahkan pesakit ke luar, katanya.

Di Yogyakarta, beratus-ratus pelawat di pusat beli-belah Malioboro berpusing-pusing keluar apabila gempa itu melanda, kata seorang saksi kepada Jakarta Globe.

Seorang pelawat kompleks beli-belah itu, Tina berkata dia begitu takut kerana gegaran itu amat kuat dan cermin tingkap kompleks berkenaan bergoyang.

“Saya takut kerana masih teringat gempa di Yogya tiga tahun lalu,” katanya. Pembeli berkumpul di jalan raya dan keadaan lalu lintas dan talian telefon sesak kerana ramai yang ingin menghubungi anggota keluarga dan kawan. - Agensi



**PENDUDUK** meninjau kesan gegaran gempa di Jawa Barat.